

PENGGUNAAN RETORIK DALAM LIRIK LAGU TEMAN PENGGANTI KARYA MALIQUE

(THE USE OF RHETORIC IN THE LYRICS OF THE SONG TEMAN PENGANG BY MALIQUE)

MUHAMMAD FARIS AKRAM RUSTU¹

Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Hab Pendidikan Tinggi Pagoh

AZEAN IDRUVANI IDRUS^{2*}

Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Hab Pendidikan Tinggi Pagoh

*Corresponding Author's Email: azeanidruwaniidrus@iium.edu.my

Article History:

Received : 30 September 2024

Revised : 7 Oktober 2024

Published : 31 Disember 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Idrus, Azean Idruwani & Rustu, Muhammad Faris Akram. (2024). PENGGUNAAN RETORIK DALAM LIRIK LAGU TEMAN PENGGANTI KARYA MALIQUE. *Jurnal Kesidang*, 9(1), 64-74.

ABSTRAK

Retorik merupakan bahagian daripada ilmu linguistik yang membawa maksud seni yang digunakan atau seni memakai bahasa yang indah untuk tujuan mempengaruhi minda atau pemikiran khalayak dengan menekankan beberapa aspek seperti kesopanan dan keterampilan dalam berbahasa sama ada lisan mahupun tulisan. Bidang muzik telah dipilih sebagai skop kajian untuk membuktikan keberkesaan retorik yang mampu menghubungkan antara penulis lagu dengan pendengar. Kajian ini mempunyai dua objektif iaitu mengenal pasti teknik retorik yang digunakan oleh Malique serta faktor penggunaannya. Kajian deskriptif ini dijalankan dengan berpandukan Teori Retorik Moden yang diasaskan oleh Enos dan Brown (1993). Kaedah kepustakaan dan kaedah analisis kandungan digunakan untuk mengevaluasi isi teks baik dari segitekstual maupun kontekstual. Pemahaman tentang teknik retorik yang kurang dalam kalangan pendengar lagu menjadikan terbatasnya mesej yang dapat diambil yang cuba disampaikan oleh penulis kepada pendengar. Kajian mendapati bahawa terdapat tiga jenis retorik yang digunakan dalam penulisan lagu ini iaitu naratif, pemerian dan pemujukan. Faktor penggunaan retorik dalam lirik lagu *Teman Pengganti* adalah untuk memberi dimensi cerita yang mendalam dan memungkinkan pendengar untuk berhubung secara emosional dengan cerita yang disampaikan, mencipta gambaran hidup tentang cerita yang ditulis dan membangkitkan perasaan serta upaya untuk mempengaruhi pendengar agar merespon dengan cara tertentu. Konklusinya, retorik merupakan elemen penting yang membantu penulis lagu menggunakan bahasa yang berkesan untuk menghasilkan sebuah karya yang menarik kepada pendengar serta dapat membantu pendengar untuk memahami lagu dengan lebih mendalam.

Kata kunci: Retorik, Lirik, Gaya Bahasa, Enos dan Brown (1993), Teori Retorik Moden

ABSTRACT

Rhetoric is a branch of linguistics that involves using beautiful language to influence the audience's thoughts or emotions, emphasizing politeness and skill in speaking, whether written or spoken. In a recent study, the field of music was chosen to demonstrate the effectiveness of rhetoric in connecting songwriters with listeners. The study had two objectives: to identify the rhetorical techniques used by Malique and to understand the factors influencing their use. This descriptive study was based on the Modern Rhetoric Theory established by Enos and Brown (1993). Library and content analysis methods were used to evaluate the textual and contextual content. The study revealed that the lack of understanding of rhetorical techniques among song listeners limits the message conveyed by the songwriter. Three types of rhetoric were identified in the songwriting: narrative, illustration, and persuasion. The use of rhetoric in the song "Substitute Friend" was found to add depth to the story, evoke emotional connection, create a vivid picture, and influence the listener to respond in a certain way. In conclusion, rhetoric is a crucial element that enables songwriters to use effective language, making their work attractive and helping listeners understand the song on a deeper level.

Keywords: Rhetoric, Lyrics, Language style, Enos and Brown (1993), Modern Rhetorical Theory

1.0 PENGENALAN

Lagu merupakan komposisi muzik yang biasanya disertai dengan lirik, nyanyian serta mengandungi unsur irama, melodi, dan harmoni untuk menciptakan sesuatu yang indah dan menyenangkan bagi pendengar. Elemen-elemen tersebut digabungkan untuk menghasilkan komposisi yang bermakna dan menarik. Dalam lagu, lirik berperanan sebagai petikan atau teks yang menjadi tema dan alur cerita dalam sebuah lagu (Christopher Yudha Erlangga et al., 2021). Lirik berfungsi sebagai medium utama untuk menyampaikan mesej utama yang mengandungi pesan, perasaan, cerita atau idea daripada pencipta lagu kepada pendengar. Mesej-mesej dalam lirik lagu dapat difahami dengan lebih jelas melalui penggunaan retorik. Dalam penghasilan sesebuah lirik lagu, unsur retorik digunakan dengan matlamat untuk menarik perhatian pendengar. Retorik merupakan seni pemakaian bahasa yang digunakan untuk mempengaruhi pendengar. Unsur retorik dijadikan sebagai paksi dalam memahami mesej yang ingin disampaikan oleh penulis dalam lirik lagu yang dihasilkan. Hal ini demikian kerana untuk mempengaruhi perasaan pendengar, pengkarya akan menggunakan gaya bahasa sebagai salah satu alat (Haedariah et al., 2023) termasuk retorik. Penggunaan unsur retorik dalam lirik lagu bukan sahaja dapat menjadikan lirik lagu lebih menarik bahkan juga dapat mempengaruhi audiens. Justeru, pemahaman terhadap unsur retorik penting bagi memahami mesej utama yang ingin disampaikan oleh penulis (Ahmad Wafi Yunus & Siti Zubaidah Raja Mhd Shahnuddin, 2023). Tanpa pemahaman yang mendalam tentang unsur retorik, pendengar mungkin mengalami kesukaran untuk memahami mesej utama, makna tersembunyi dan matlamat komunikasi yang cuba disampaikan oleh pengarang atau penulis. Kekurangan pemahaman ini boleh menyebabkan salah faham, tafsiran yang tidak tepat dan kekurangan penghayatan terhadap kerumitan dan keindahan karya. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan membincangkan penggunaan retorik serta faktor penggunaan retorik dalam lirik Lagu *Teman Pengganti* karya Malique.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Beberapa kajian telah dilakukan oleh para sarjana yang menunjukkan kredibiliti penggunaan bahasa retorik sebagai medium pemujukan serta kewibawaannya dalam pelbagai bidang. Dalam analisis lirik lagu "Pejamkan Mata" (2016) oleh Malique yang dilakukan oleh Ahmad Wafi Yunus & Siti Zubaidah Raja Mhd Shahnuddin (2023) menunjukkan bahawa keempat-empat jenis retorik moden, iaitu naratif, pemerian, eksposisi, dan penghujahan telah digunakan dalam lagu tersebut dan pedominasian retorik pemerian banyak digunakan oleh penulis lirik. Selain itu, kajian retorik dalam konteks politik oleh Mohd Syafiq Haji Mohd Zunaidi (2023) mendapat bahawa dalam pengucapan politik YB Syed Saddiq, penggunaan retorik pendedahan, pemujukan, penerangan, dan penghujahan digunakan. Kesemua jenis retorik ini telah dikenal pasti melalui penggunaan kata pemerian, kata sendi nama, kata seru, dan segmen agama. Seterusnya, kajian oleh Rohaidah Kamaruddin et al. (2020) dalam hikayat Merong Mahawangsa mendapat penerapan unsur retorik dalam penghasilan karya kreatif terutamanya dalam hikayat dapat menjamin kualiti penulisan yang baik dan menarik. Pemahaman yang tinggi dalam sesebuah karya dapat menjadikan karya tersebut menarik untuk dikaji dengan lebih terperinci dalam bidang bahasa. Manakala

dalam kajian yang dilakukan oleh Husna Hidayah Mansor et al. (2018) mendapatkan bahawa teknik retorik yang paling dominan dalam ceramah agama Ustaz Kazim Elias adalah retorik pemerian. Penggunaan retorik ini adalah bertujuan untuk menarik perhatian khalayak agar mereka mudah memahami isi ceramah yang disampaikan. Penggunaan retorik dalam ceramah agama bukan sahaja dapat membantu penceramah menyampaikan dakwah dengan lebih berkesan bahkan juga mampu mengubah fikiran, emosi, dan tindakan pendengar. Manakala kajian yang dilakukan oleh Faza Fat Han Fadhilah dan Irwansyah (2021) mendapatkan bahwa Presiden Jokowi, sebagai komunikator dalam pidato ini, telah memenuhi ethos, logos dan pathos berdasarkan seni persuasif Aristoteles. Dalam pidato “Bersatu Menghadapi Corona”, terdapat penerapan lima aspek retorika, yaitu aspek penemuan, aspek pengaturan, aspek gaya, aspek penyampaian, dan aspek memori. Secara keseluruhan, pidato “Bersatu Menghadapi Corona” jelas menunjukkan konsep retorik daripada Aristotle. Tuntasnya, penggunaan retorik dapat digunakan untuk menyampaikan bahasa dengan berkesan dan menampilkan nilai estetika yang tinggi dalam pengucapan atau penulisan. Berdasarkan beberapa kajian lepas di atas, hal ini jelas menunjukkan bahawa kajian retorik dalam bidang penulisan masih memerlukan penelitian dan penganalisisan yang tuntas. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan penggunaan tiga teknik retorik yang berperanan sebagai medium yang membantu Malique menghasilkan penulisan lirik dengan baik dan berkesan.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif dengan mengaplikasikan linguistik korpus sebagai asas kajian. Secara khususnya, kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah analisis kandungan teks bagi mengenal pasti penggunaan retorik dalam kandungan yang dianalisis. Rasional pemilihan lirik lagu ini kerana garapan penulisan yang mengetengahkan realiti isu kehidupan yang berkaitan dengan isu semasa, isu kemanusiaan, spiritualiti, dan kesihatan mental. Proses pengumpulan data dilakukan dengan membuat pembacaan penuh terhadap lirik lagu tersebut disertai dengan penganalisisan dan penyenaraian terhadap objektif kajian yang bertunjang kepada Teori Retorik Moden yang diasaskan oleh Enos dan Brown (1993). Kesemua data yang diperoleh dibuat pengkategorian data berdasarkan objektif, penjadualan serta penguraian secara rinci dilakukan bagi menyempurnakan penganalisisan data berdasarkan pemerhatian pengkaji.

4.0 KERANGKA TEORI

Teori Retorik Moden yang diperkenalkan oleh Enos dan Brown (1993) digunakan dalam kajian ini sebagai kerangka teori yang utama. Teori Retorik Moden (1993) mengandungi lima prinsip utama, iaitu pertama mewujudkan penyimpangan dari sudut makna yang memperlihatkan idea disampaikan secara tersirat. Kedua, retorik digunakan untuk mewujudkan kelainan dan penyimpangan bentuk bahasa, iaitu bahasa yang berbunga-bunga. Ketiga, retorik bertujuan untuk mewujudkan kesan yang lebih mendalam terhadap karya yang dihasilkan. Keempat, retorik digunakan untuk menampilkan estetika dalam pemilihan diksi atau penyusunan ayat. Kelima, retorik berfungsi untuk menampilkan pemahaman dan penginterpretasi petanda atau ungkapan retorik yang memerlukan keupayaan kognitif, psikologi, pemahaman sosial dan persekitaran bahasa yang terlibat. Secara umumnya, retorik merupakan sebahagian daripada bidang linguistik yang mampu membantu penggunaannya menampilkan penggunaan bahasa yang berestetika, indah dan efektif sama ada dalam bentuk lisan maupun penulisan (Azrul Azuan & Nor Azwan, 2015). Penggunaan unsur retorik dalam kajian ini akan memfokuskan kepada tiga jenis retorik, iaitu, cara penceritaan (naratif), pemerian (deskriptif) dan pemujukan (persuasif).

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Setelah dianalisis penggunaan retorik dalam lirik lagi *Teman Pengganti* Karya Malique didapati terdapat tiga jenis retorik yang digunakan, iaitu penceritaan (naratif), pemerian (deskriptif), dan pemujukan (persuasif).

Retorik Penceritaan (Naratif)

Retorik naratif atau penceritaan adalah strategi yang digunakan untuk memberikan penjelasan yang lebih tepat kepada pembaca, memungkinkan mereka untuk menginterpretasikan dan membayangkan hal-hal yang disampaikan dalam sebuah teks ucapan (Hariri Ali Imran dan Nasihah Hashim, 2022). Retorik

penceritaan ini terdiri daripada tiga jenis iaitu masa lalu, nasihat dan pengalaman. Contohnya adalah seperti yang berikut, iaitu:

Jadual 1: Retorik Naratif Jenis Masa Lalu

Baris	Lirik
11	Beberapa purnama dulu cinta bertakhta
12	Kenangan di bina kita indah belaka
17	Segalanya kan berubah

Dalam Jadual 1 di atas, retorik naratif jenis masa lalu digunakan oleh penulis dalam lirik *Teman Pengganti*. Pada baris ke 11 dan 12 penggunaan perkataan “**dulu**” dan “**kenangan**” menunjukkan penceritaan tentang kisah silam yang dihadapi oleh penulis. Perkataan-perkataan ini bukan sahaja mencerminkan masa yang telah berlalu tetapi juga menekankan peristiwa-peristiwa penting dan emosi yang terkait dengannya. Manakala dalam baris ke 17 elemen masa lalu ditunjukkan melalui frasa “**Segalanya kan berubah**” memperlihatkan adanya kesinambungan dalam penceritaan yang mencerminkan peralihan dari masa lalu ke masa kini dan seterusnya ke masa depan. Frasa ini memberikan petunjuk bahawa terdapat perubahan signifikan yang akan berlaku, yang penulis ingin sampaikan kepada kekasihnya tentang perubahan yang bakal mereka hadapi. Penggunaan frasa “**Segalanya kan berubah**” membawa implikasi bahawa segala kenangan, pengalaman, dan peristiwa yang mereka lalui bersama semasa hubungan mereka akan mengalami perubahan. Hal ini menunjukkan bahawa masa lalu yang mereka kongsi, yang mungkin penuh dengan kenangan manis, kebahagiaan dan juga cabaran, kini berada di ambang perubahan yang tidak dapat dielakkan. Penulis ingin mengingatkan kekasihnya bahawa setiap detik yang mereka habiskan bersama, setiap peristiwa yang mereka lalui, tidak akan kekal selamanya dan akan berubah seiring berjalannya waktu. Dalam konteks yang lebih luas, penambahan unsur masa lalu ini juga mencerminkan kepakaran penulis dalam mengolah kata-kata dan menyusun naratif yang kohesif. Hal ini menunjukkan keupayaan penulis untuk menyampaikan cerita yang tidak hanya berkisar pada masa kini tetapi juga merangkumi keseluruhan perjalanan emosi yang bermula dari masa lalu, melalui masa kini dan mungkin berlanjut ke masa hadapan. Penggunaan retorik naratif jenis masa lalu ini bertujuan untuk menambahkan unsur kenangan atau masa lalu bagi memberi pemahaman yang lebih kepada pembaca atau pendengar dengan menceritakan permulaan kisah yang dialami oleh sepasang kekasih tersebut. Secara keseluruhan, retorik naratif jenis masa lalu dalam lirik ini menambahkan lapisan kedalaman dan makna kepada lagu, menjadikan karya tersebut lebih kaya dengan emosi dan lebih berkesan dalam menyampaikan mesejnya kepada pendengar. Menggunakan pemilihan kata yang tepat, kenangan dalam sesbuah karya dapat menjadikan penceritaan lebih menarik untuk pembaca atau pendengar (Ali Murtadoh et al. 20023). Dengan mengimbau kenangan lama, penulis bukan sahaja menceritakan sebuah kisah tapi juga mengajak pendengar untuk merenung dan merasa bersama, menjadikan perasaan mendengar lagu lebih intim dan menyentuh hati. Penulis juga berjaya menghidupkan semula detik-detik yang bermakna dan penuh emosi, yang mampu membawa pendengar untuk turut merasai pengalaman tersebut. Hal ini memberikan dimensi yang lebih dalam kepada lagu, menjadikannya lebih daripada sekadar sebuah nyanyian, tetapi juga sebuah cerita yang lengkap dengan latar belakang dan perkembangan watak.

Jadual 2: Retorik Naratif Jenis Nasihat

Baris	Lirik
25	Kita tak terlepas dari terkena tempias
27	Tidak kau bidas tak berpaling walau sekilas

Dalam Jadual 2 menunjukkan retorik naratif jenis nasihat yang ingin disampaikan oleh penulis kepada pendengar. Perkataan “**Kau**” dan **Kita**” menunjukkan terdapat unsur pesanan atau nasihat yang cuba disampaikan oleh penulis. Wan Azura & Ahmad Fazullah (2020), menyatakan bahawa keperluan mewujudkan panggilan yang baik akan mendorong orang lain untuk mudah menerima nasihat. Dalam konteks ini, “**Kau**” merujuk secara langsung kepada pendengar atau kekasih, sementara “**Kita**” melibatkan penulis sendiri bersama dengan pendengar dalam pengalaman kolektif menghadapi dunia yang tidak sempurna ini. Penulis kemudian menekankan bahawa “**Kita tak terlepas dari terkena**

"tempias," menunjukkan bahawa tidak ada yang kebal terhadap pengaruh negatif dari dunia ini. Frasa ini adalah pengingat bahawa semua orang, tanpa kecuali, akan menghadapi kesulitan dan prasangka dalam hidup mereka. Penulis menyampaikan pesan ini dengan penuh keprihatinan, seolah-olah untuk mengingatkan pendengar bahawa mereka tidak sendirian dalam menghadapi masalah ini dan bahawa kesulitan tersebut adalah bahagian daripada pengalaman manusia secara umum. Frasa "**Tidak kau bidas tak berpaling walau sekilas,**" yang menyerlahkan keberanian dan ketabahan meskipun menghadapi dunia yang penuh dengan prasangka dan penindasan, penulis memberikan nasihat untuk tetap teguh dan tidak lari dari kenyataan atau cabaran. Pesanan ini adalah seruan untuk keberanian dan keteguhan hati dalam menghadapi ketidakadilan dan rintangan yang ada. Penulis mengajak pendengar untuk tidak berpaling atau menghindar tetapi untuk menghadapi dunia dengan penuh keyakinan. Keseluruhan rangkap ini mengandung unsur nasihat yang mendalam, mendorong pendengar untuk tetap kuat dan berani dalam menghadapi dunia yang tidak sempurna ini. Penulis menggunakan "**Kau**" dan "**Kita**" untuk menciptakan rasa kebersamaan dan solidariti, mengingatkan pendengar bahawa mereka tidak sendirian dalam perjuangan mereka melawan ketidakadilan dan prasangka. Dengan menyampaikan pesan ini melalui lirik yang penuh emosi dan kiasan, penulis berhasil menciptakan hubungan yang lebih dekat dengan pendengar, sekaligus memberikan panduan dan dorongan untuk menghadapi kehidupan dengan keberanian dan keteguhan hati.

Jadual 3: Retorik Naratif Jenis Pengalaman

Baris	Lirik
28	Hanya kau yang tahu kodeksku yang kompleks
29	Dalam disleksia cuba kekal dalam konteks
46	Nah sejak dua menjak ini ku mencari fungsi kewujudan (uh)
47	Dalam persekitaran yang penuh kejumudan
48	Terperangkap dalam jasad ku keliru
49	Mujur ada kau si peneutralisasi pilu

Sementara dalam Jadual 3 penggunaan retorik naratif jenis pengalaman digunakan oleh penulis lirik. Unsur pengalaman dapat dilihat melalui kata ganti nama diri iaitu perkataan "**kau**" dan "**ku**" dalam baris 28,46,48 dan 49. Penggunaan kata ganti nama ini memberikan kesan peribadi dan intim dalam penceritaan, membuat pendengar merasa terlibat secara langsung dalam naratif yang disampaikan oleh penulis. Dalam baris 28, "**Nah sejak dua menjak ini ku mencari fungsi kewujudan (uh)**" penulis berkongsi tentang hubungan istimewa dan pemahaman mendalam yang wujud antara dirinya dan individu yang ditujukan dalam lirik tersebut. "**Kau**" merujuk kepada orang yang sangat dekat dengan penulis, yang mampu memahami kerumitan kehidupannya walaupun dalam keadaan yang mencabar, seperti disleksia. Hal ini menunjukkan pengalaman peribadi penulis yang hanya dapat difahami oleh seseorang yang benar-benar mengenalinya.

Dalam baris 46, 48 dan 49, "**Nah, sejak dua menjak ini, ku mencari fungsi kewujudan, Dalam persekitaran yang penuh kejumudan, Terperangkap dalam jasad ku keliru, Mujur ada kau si peneutralisasi pilu,**" meneruskan naratif pengalaman dengan lebih mendalam. Penulis mendedahkan perjalanan peribadinya dalam mencari makna dan tujuan dalam hidup, di tengah-tengah persekitaran yang kelihatan membosankan dan statik. "**Ku**" yang digunakan merujuk kepada penulis sendiri, yang berada dalam keadaan keliru dan terperangkap dalam jasadnya sendiri. Walaupun berhadapan dengan situasi yang sukar, penulis menyatakan kelegaannya dengan adanya "**kau**" yang berperanan sebagai peneutralisasi pilu, iaitu seseorang yang membawa ketenangan dan kebahagiaan dalam hidupnya. Keseluruhan naratif dalam kedua-dua rangkap ini menunjukkan bagaimana penulis mengungkapkan pengalaman peribadinya melalui hubungan dengan individu lain yang sangat penting dalam hidupnya. Pengalaman atau situasi yang dialami oleh pencerita atau penulis dapat dikenal pasti melalui penggunaan kata ganti nama dalam ayat atau penulisan yang digunakan (Hariri Ali Imran & Nasihah Hashim, 2022). Penggunaan kata ganti nama diri seperti "**kau**" dan "**ku**" menguatkan elemen pengalaman peribadi, membuat pendengar dapat merasakan dan memahami emosi serta situasi yang dialami oleh penulis. Hal ini memberikan dimensi yang lebih mendalam kepada lirik lagu, menjadikannya mempunyai kaitan dan bermakna kepada pendengar yang mungkin mengalami situasi serupa dalam hidup mereka. Penggunaan retorik naratif dalam lirik lagu *Teman Pengganti* memberikan

dimensi cerita yang kuat dan mendalam dan memungkinkan pendengar untuk terhubung secara emosional dengan pengalaman yang disampaikan. Beberapa faktor penggunaan retorik naratif dalam lirik ini termasuk penggunaan karakter, plot dan pengembangan tema yang melalui narasi yang kuat. Bagi penggunaan karakter, penulis menggunakan karakter-karakter yang kuat dan mendalam untuk membawa pendengar ke dalam cerita. Misalnya, penulis menciptakan konflik emosional dengan menggambarkan hubungan antara karakter utama dan orang yang dicintainya, menunjukkan kerumitan serta kesedihan dan perpecahan dalam perasaannya. Lirik lagu *Teman Pengganti* juga mengandungi elemen plot yang menarik, seperti konflik kenyataan yang diungkapkan dalam lirik. Plot yang kuat berjaya memegang perhatian pendengar dan menciptakan ketegangan yang membuat mereka terlibat secara emosional. Tema-tema seperti kesetiaan, kerinduan, dan kehilangan dikembangkan melalui narasi yang mendalam dan deskriptif.

Retorik Pemerian (Deskriptif)

Retorik pemerian adalah salah satu bentuk retorik yang berfokus pada penggambaran atau penjelasan secara detail tentang suatu objek, situasi atau konsep dengan tujuan untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam kepada pembaca atau pendengar. Retorik pemerian merupakan teknik yang digunakan oleh penutur atau penceramah untuk menjelaskan atau menggambarkan sesuatu dengan menggunakan pengamatan atau pemerhatian secara terperinci (Husna Hidayah Mansor et al., 2018). Dalam konteks retorik, pemerian digunakan untuk menciptakan gambaran yang jelas dan hidup tentang subjek yang dibahas, sehingga membantu audiens untuk membayangkan atau memahami dengan lebih baik apa yang sedang disampaikan. Retorik pemerian telah dibahagikan kepada tiga jenis iaitu imaginatif, pengalaman dan informatif. Jadual 4 menunjukkan retorik pemerian jenis imaginatif.

Jadual 4: Retorik Pemerian Jenis Imaginatif

Baris	Lirik
3	Sejak dua menjak ini makin kerap ku diganggu visi Bila celik juga bila mimpi
4	Aku nampak kau tapi bukan aku yang disisi
5	Dia membelaimu dengan izin dan permisi
6	Sentuhan katanya semuanya kau iakan (iakan) Aku
7	redha walau tidak ku damba Walau hampa
8	semuanya dah dijangka
9	

Jadual di atas mengandungi retorik pemerian jenis imaginatif. Unsur imaginatif yang dapat dilihat ialah melalui perkataan “visi” dan “mimpi” dalam baris 3. Kedua-dua perkataan ini menunjukkan penulis sedang berada dalam dunia khayalan atau imaginasi. Retorik pemerian jenis imaginatif memberikan gambaran tentang mimpi atau khayalan secara terperinci yang dilihat oleh penulis. Penulis menceritakan tentang gangguan “visi” yang dialami semakin kerap, sama ada ketika celik ataupun bermimpi. Frasa “**makin kerap ku diganggu visi, Bila celik juga bila mimpi**” menggambarkan penulis berada dalam keadaan khayalan dan realiti sering bercampur baur. Ini menunjukkan penulis sedang mengalami suatu keadaan yang sangat nyata, iaitu batas antara dunia nyata dan dunia khayalan semakin kabur. Kehadiran “visi” ini memberi bayangan bahawa penulis sedang berhadapan dengan imej-imej atau adegan yang hanya wujud dalam mindanya, namun terasa sangat nyata. Seterusnya, pemerian jenis imaginatif ini dilihat dapat dalam baris 5 “**Aku nampak kau tapi bukan aku yang disisi, Dia membelaimu dengan izin dan permisi**”. Penulis menggambarkan situasi dia melihat kekasihnya bersama orang lain. Perasaan penulis yang melihat dirinya tergantikan oleh orang lain dalam imaginasi atau mimpiinya mencetuskan emosi yang kuat, menambah lapisan kompleks kepada pengalaman khayalannya. Penggunaan kata-kata seperti “**izin danpermisi**” menambah elemen formal dan keikhlasan dalam perlakuan tersebut, seolah-olah memberikan kesan bahawa situasi ini walaupun menyakitkan, diterima dengan rasa redha. Perincian ini membuktikan terdapatnya retorik pemerian jenis imaginatif dalam rangkap kedua. Baris 7 penulis memperkuat unsur imaginatif ini. “**Sentuhan katanya semuanya kau iya kan**”, menggambarkan penulis sedang membayangkan kekasihnya yang tunduk dan pasrah terhadap perlakuan orang lain. Hal ini menambahkan elemen visual dan perasaan

kepada visi yang dialami oleh penulis. Penulis menceritakan tentang bagaimana kekasihnya menerima setiap kata dan sentuhan dengan pasrah, menambah kedalamannya kepada gambaran imaginatif tersebut. Manakala dalam baris 8 dan 9 penulis menyatakan perasaan redha dan penerimaan walaupun hati tidak mendambakan situasi tersebut: "**Akuredha walau tidak ku damba, Walau hampa semuanya dah di jangka**". Frasa ini menunjukkan perasaan menerima nasib walaupun penuh dengan kekecewaan, menambah lapisan emosi yang lebih mendalam kepada imaginasi penulis. Dengan mengakui bahawa segala-galanya telah dijangka, penulis seolah-olah merelakan situasi ini sebagai takdir yang sudah ditentukan, walaupun perasaan hampa masih menyelimuti hatinya. Secara keseluruhan, dapat disimpulkan penggunaan retorik pemerian ini bukan sahaja mampu mencipta gambaran yang realistik tetapi juga dapat menyampaikan maklumat atau idea dengan berkesan dan memudahkan untuk pendengar memahami maklumat yang hendak disampaikan penulis.

Jadual 5: Retorik Pemerian Jenis Pengalaman

Baris	Lirik
50	Namun aku tetap murung berkurung
51	Tubuh makin susut menunggu tarikh luput
52	Komplikasi di halaman rusuk kiri
53	Makin sukar nak bernafas nak bergerak nak berdiri

Dalam Jadual 5 di atas, retorik pemerian jenis pengalaman dapat dilihat melalui penggunaan kata ganti nama diri iaitu "**aku**". Perkataan ini menunjukkan bahawa penulis sedang menceritakan tentang pengalamannya secara terperinci melalui lagu. Penulis menggambarkan perasaan murung dan keadaan terkurung yang dialaminya, menunjukkan sebuah keadaan emosi dan fizikal yang sangat mendalam. Keadaan ini disertai dengan gambaran tubuh yang semakin susut, menunggu tarikh luput, yang secara metafora menggambarkan rasa putus asa dan ketidakpastian tentang masa depan. Frasa "**menunggu tarikh luput**" memberikan kesan dramatik, seolah-olah penulis merasakan hidupnya sedang mendekati penghujung. Selain itu, penulis menyebut tentang komplikasi di halaman rusuk kiri, menunjukkan masalah kesihatan yang serius. Frasa ini ditambah dengan keterangan tentang kesukaran untuk bernaafas, bergerak, dan berdiri, yang memperkuat gambaran penderitaan fizikal yang dialaminya. Penggunaan perkataan seperti "**komplikasi**," "**sukar**," dan "**bernaafas**" menambah dimensi realistik kepada pengalaman yang diceritakan, membuat pendengar dapat membayangkan betapa beratnya situasi yang dihadapi oleh penulis. Penggunaan retorik pemerian jenis pengalaman bertujuan untuk membawa pendengar masuk ke dalam dunia penulis dengan menceritakan pengalamannya secara peribadi dan terperinci, penulis dapat menciptakan empati dan pemahaman yang mendalam dari pendengar, membuat mereka merasakan seolah-olah mereka sedang mengalami apa yang dirasakan oleh penulis. Penulis boleh menjadikan pengalaman sebagai panduan kepada orang lain sebagai sebuah kelebihan untuk dikongsi (Sufridatul Jannah et al., 2022). Hal ini menunjukkan kekuatan retorik pemerian dalam menghidupkan pengalaman seseorang melalui kata-kata, membolehkan lirik lagu berfungsi sebagai medium yang kuat untuk menyampaikan cerita dan emosi.

Jadual 6: Retorik Pemerian Jenis Informatif

Baris	Lirik
58	Bilik dah ku kemas katil dah ku rapi
59	Cincin kunci dompet dalam laci
60	Ada sikit wang itu saja baki
61	Moga-moga cukup untuk majlis itu nanti

Jadual 6 menunjukkan penggunaan retorik pemerian jenis informatif. Unsur informatif ini tidak semestinya dikenal pasti melalui perkataan secara spesifik, tetapi lebih kepada maklumat yang ingin disampaikan oleh penulis. Penulis memberikan gambaran yang jelas tentang tindakan dan keadaan semasa. Setiap baris mengandungi informasi yang membantu pendengar membayangkan situasi yang sedang berlaku. Dalam baris 58 hingga 61 penulis memulakan lirik dengan menyatakan bahawa biliknya telah dikemas dan katilnya telah dirapi, memberikan gambaran tentang suasana yang kemas dan teratur. Perkara ini mungkin menandakan persiapan untuk sesuatu yang penting atau

mengisyaratkan keinginan untuk meninggalkan sesuatu dalam keadaan baik. Dalam baris 59 penulis mengungkapkan bahawa cincin, kunci dan dompet telah disimpan dalam laci. Maklumat ini bukan sahaja memberikan gambaran tentang apa yang telah dilakukan oleh penulis tetapi juga menambah elemen realisme kepada cerita yang sedang diceritakan. Dalam baris 60, penulis menyebut bahawa ada sedikit wang yang tinggal sebagai baki. Hal ini memberikan informasi tentang keadaan kewangan penulis, yang mungkin menunjukkan kesulitan atau sekadar realiti yang sedang dihadapi. Akhir sekali, harapan penulis bahawa wang tersebut akan cukup untuk majlis yang akan datang menunjukkan perancangan masa depan dan mungkin juga sedikit kekhawatiran tentang kecukupan sumber yang ada. Secara keseluruhan, rangkap ini memberikan pendengar banyak informasi yang penting untuk memahami situasi dan perasaan penulis. Setiap baris menyumbang kepada informasi keseluruhan, memberikan konteks yang jelas dan membantu membina gambaran mental yang lengkap. Permainan kata dalam karya yang baik mampu memberikan maklumat atau informasi yang bermanfaat dan bukan sekadar hiburan semata-mata (Singgih Aji Prasetyo, 2020). Dengan menggunakan retorik pemerian jenis informatif, penulis berjaya menyampaikan maklumat penting dengan cara yang mudah difahami dan dapat dirasakan oleh pendengar. Hal ini menunjukkan betapa berkesannya penggunaan teknik ini dalam memperkayakan cerita dan memberikan pemahaman yang mendalam kepada pendengar tentang cerita yang disampaikan melalui lirik lagu.

Retorik Pemujukan (Persuasif)

Retorik pemujukan adalah suatu bentuk komunikasi yang bertujuan untuk mempengaruhi atau mengubah pandangan, perasaan, dan perilaku audiens agar sesuai dengan keinginan atau tujuan penutur. Retorik ini adalah suatu bentuk komunikasi yang bertujuan untuk mengubah persepsi, emosi, dan tingkah laku pendengar agar mereka bertindak sesuai dengan keinginan atau hasrat penutur (Dewi Hj Samri & Haziq Aisha, 2021). Teknik ini sering digunakan dalam pidato, debat, iklan, atau bentuk komunikasi lainnya yang memiliki tujuan persuasif. Retorik pemujukan menggunakan pelbagai strategi dan teknik persuasif untuk mencapai hasil yang diinginkan seperti penggunaan hujah yang kuat, penggunaan bahasa yang emosional, penggunaan bukti atau testimoni yang meyakinkan dan pembangkitan perasaan tertentu pada audiens. Tujuan utama retorik ini adalah untuk meyakinkan audiens supaya menerima pandangan atau perilaku tertentu, baik itu dalam pemilihan politik, pembelian produk atau tindakan lainnya. Retorik pemujukan boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu retorik pemujukan rasional dan retorik pemujukan tidak rasional. Pemujukan rasional berfokus pada penyampaian hujah yang dapat mempengaruhi pendengar, sementara pemujukan tidak rasional lebih menekankan penyampaian yang dapat menyentuh emosi pendengar sehingga mempengaruhi pemikiran dan tindakan mereka. Jadual 7 menunjukkan retorik pemujukan jenis pemujukan tidak rasional.

Jadual 7: Retorik Pemujukan

Baris	Lirik
63	Tiba masanya kau cari teman pengganti
32	Setia mendengar sentiasa hadir
33	Ingin setiap ulangtahun setiap hari lahir
35	Syawal yang terakhir ini pasti rasa janggal
38	Dalam diam ada seorang yang ku puja (uh)
39	Kau teristimewa tapi dia yang sempurna
54	Lagu ini yang terakhir aku sajikan
55	Kalau rindu nantibolehlah kau nyanyikan
57	Yang patah kan tumbuh yang hilang kan berganti

Retorik pemujukan dapat dilihat melalui penggunaan perkataan atau frasa yang bermain dengan emosi, iaitu “**Tiba masanya, kau cari teman pengganti**” dalam baris 63. Frasa ini mengandungi unsur pemujukan untuk meneruskan kehidupan tanpa kehadiran penulis dan mencari pengganti untuk mengisi kekosongan yang ditinggalkan. Dalam baris 32 dan 33, penulis menekankan retorik pemujukan yang mengandungi unsur kesetiaan dan kehadiran berterusan seseorang dalam hidupnya. Frasa seperti “**Setia mendengar, sentiasa hadir**” dan “**Ingin setiap ulang tahun setiap hari lahir**” menonjolkan rasa terima kasih dan penghargaan yang mendalam terhadap individu tersebut. Penulis juga menyebut tentang

saat-saat istimewa seperti pagi Syawal, menambah elemen tradisi dan kenangan bersama yang memperkuat ikatan emosi antara mereka. Dalam baris 35, “**Syawal yang terakhir ini pasti rasa janggal**” penulis memujuk pendengar dengan memberitahu bahawa kehilangannya pada kali akan membawa suatu perubahan besar. Retorik pemujukan ini diperkuatkan lagi dalam baris 38, melalui frasa “**Dalam diam ada seorang yang ku puja, Kau teristimewa tapi dia yang sempurna**”. Penulis memujukkan hatinya walaupun orang tersebut amat disayangi namun penulis terpaksa redha ada orang lain yang lebih sempurna daripadanya. Unsur pemujukan mempengaruhi pendengar dengan cara yang sangat emosional, membuat mereka merasa dan memahami kompleksiti perasaan yang dialami oleh penulis. Dalam baris 54 dan 55, “**Lagu ini yang terakhir aku sajikan,**” penulis memberikan sentimen perpisahan yang kuat. Perkataan “**terakhir**” menimbulkan kesan finaliti, memberikan bayangan bahawa ini adalah akhir dari sebuah perjalanan atau hubungan, yang membawa pendengar kepada perasaan sedih dan kehilangan. Frasa, “**Kalau rindu nanti bolehlah kau nyanyikan**” dalam baris 57 menambah unsur pemujukan. iaitu penulis memujuk pendengar sekiranya ada rasa rindu padanya dendangkanlah lagu ini untuk mengenang dan merawat rindu. Frasa ini adalah bentuk pemujukan yang menggunakan nostalgia dan kenangan untuk memberikan harapan dan penghiburan kepada pendengar, meskipun dalam keadaan perpisahan. Frasa, “**Yang patahkan tumbuh yang hilangkan berganti,**” membawa elemen optimisme dan harapan. Frasa ini mengandung makna bahawa setiap kehilangan atau kegagalan akan digantikan dengan sesuatu yang baru dan mungkin lebih baik. Ini adalah usaha untuk mempengaruhi pendengar agar melihat ke depan dengan positif meskipun menghadapi kesedihan atau kehilangan. Penggunaan kiasan alam seperti “**patah**” dan “**tumbuh**” memberikan sentuhan yang puitis dan penuh harapan. Retorik pemujukan bukan sahaja menciptakan suasana yang mengharukan dan penuh kesedihan tetapi juga untuk menegaskan perasaan dan pengalaman peribadi penulis. Penggunaan unsur retorik pemujukan dapat mempengaruhi pendengar melalui pendekatan emosional seterusnya menciptakan hubungan yang intim dan mendalam dengan pendengar, membuat mereka merasa terlibat secara emosional dengan cerita yang disampaikan. Dengan demikian, lagu ini tidak hanya berfungsi sebagai medium hiburan tetapi juga sebagai saranan untuk menyampaikan pesan emosional yang kuat dan mendalam, yang mampu meresap ke dalam hati dan fikiran pendengar.

6.0 KESIMPULAN

Tiga teknik retorik yang digunakan dalam lirik lagu *Teman Pengganti* karya Malique iaitu retorik naratif, pemerian dan pemujukan. Ketiga-tiga teknik ini memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej dan emosi penulis. Pemahaman terhadap teknik retorik ini dapat menjadikan pendengar lebih menghayati lagu, memahami makna lirik dan mudah untuk menerima mesej yang ingin disampaikan. Pendengar dapat mengikuti alur cerita yang disampaikan melalui lirik, memahami konteks dan situasi yang dialami oleh watak-watak dalam lagu dan merasai perkembangan cerita yang menyentuh hati. Justeru, penggunaan teknik retorik ini bukan sahaja untuk menggambarkan perasaan dan konflik yang dihadapi tetapi juga turut menyisipkan nasihat moral, mengajak pendengar untuk mengungkapkan perasaan dan mengakui nilai seseorang meskipun tidak sempurna. Dengan memadukan ketiga teknik retorik ini, lirik lagu *Teman Pengganti* menjadi sebuah karya yang kuat dan menginspirasi, mampu menyampaikan pesan, mempengaruhi emosi serta menghubungkan pendengar dengan cara yang mendalam.

Sumbangan Pengarang

Rustu, Muhammad Faris Akram. Pengenalan, Sorotan Literatur, Metodologi Kerangka Teori, Dapatkan dan Perbincangan dan Draf Awal. Idrus, Azean Idruwani. Perbincangan, Semakan Dan Suntingan Draf Akhir.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisyiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Ahmad Wafi bin Yunus, Siti Zubaidah binti Raja Mhd Shahnuddin. (2023). Penulisan Lirik Lagu Malique: Satu Analisis Retorik Moden. *e-Jurnal Bahasa Dan Linguistik*, 5(1). 15-25.
<https://ejbl.kuis.edu.my/index.php/e-jbl/article/view/135/68> Ali Murtadoh, Kasnadi & Cutiana Windri.
- Astuti. (2023). Gaya Bahasa Dalam Novel Karya Boy Candra Senja, Hujan, Dan Cerita Yang Telah Usai. *Jurnal Bahasa dan Sastra*, 10(1). 1-10.
<https://jurnal.stkipgriponorogo.ac.id/index.php/JBS/article/view/221/282>
- Azrul Azuan & Hajah Nor Azuwan. (2015). Teknik Retorik dalam Novel Salina Karya A. Samad Said. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. Vol. 2. 49-59.
- Christopher Yudha Erlangga, Ichsan Widi Utomo , Anisti. (2021). Konstruksi Nilai Romantisme Dalam Lirik Lagu (Analisis Semiotika Ferdinand De Saussure Pada Lirik Lagu "Melukis Senja"). *Jurnal Ilmu Komunikasi*, 4(2). 149-160.
<https://journal.unpas.ac.id/index.php/linimasa/article/view/4091/1862>
- Dewi Hj Samri & Haziq Aisha. (2021). Penggunaan Bahasa Retorik dalam Pewahanaan Informasi Covid-19 di Negara Brunei Darussalam. *Southeast Asia: A multidisciplinary Journal*, 21(2). 95-117.<https://www.emerald.com/insight/content/doi/10.1108/SEAMJ-02-2021-B1007/full/pdf>
- Faza Fat han Fadhilah dan Irvansyah. (2021). Analisis Retorika Pada Pidato Presiden Jokowi "Bersatu Menghadapi Corona" Sebagai Himbauan Melalui Media Youtube. *Jurnal Lensa Mutiara Komunikasi*, 5(2). 49-60.
https://www.researchgate.net/publication/357674525_Analisis_Retorika_Pada_Pidato_Presiden_Jokowi_Bersatu_Menghadapi_Corona_Sebagai_Himbauan_Melalui_Media_Youtube
- Haedariah, Alan & Anggun Kasmarita. (2023). Analisis Gaya Bahasa Pada Lirik Lagu dalam Album "Manusia" Karya Tulus. *Jurnal Kajian Penelitian Pendidikan dan Kebudayaan*, 1(2). 143-155.
<https://jurnal.aksaraglobal.co.id/index.php/jkppk/article/view/237/199>
- Hariri Ali Imran & Nasihah Hashim. (2022). Retorik Naratif Dalam Teks Ucapan Perdana Menteri Semasa Era Pandemik. *Conference: Prosiding Bahteradaya 2022*, 1(1). 209-213.
https://www.researchgate.net/publication/364737757_RETORIK_NARATIF_DALAM_TEKS_UCAPAN_PERDANA_MENTERI_SEMASAERA_PANDEMIK
- Husna Hidayah Mansor, Nor Azuwan Yaakob & Zaintul Azma Zainon Hamzah. (2018). Retorik Pemeriah dalam Ceramah Agama. *International Journal of The Malay World and civilization*, 6(2). 29-38.
<https://www.ukm.my/jatma/wp-content/uploads/makalah/jatma-2018-0602-03.pdf>
- Mohd Syafiq Bin Haji Mohd Zunaidi, Yabit Alas. (2023). Penggunaan Retorik dalam Pengucapan Ahli Parlimen Malaysia Syed Saddiq semasa Pilihan Raya Umum (PRU) Malaysia Ke 15. *Journal of Linguistics and Indigenous Culture*, 1(1). 48-68. <https://journal-center.litpam.com/index.php/ijlic/article/view/1609/1039>
- Rohaidah Kamaruddin, Muhammad Nur Akmal Rosli, Minah Mohammed Salleh, Zuraini Seruji, Sharil Nizam Sha'ri, Veeramohan Veeraputhran& Manimangai Mani. (2020). Retorik Penceritaan Dalam HikayatMerong Mahawangsa. *Journal of Archeology of Egypt/Egyptology*, 17(9). 3153-3180.
<https://archives.palarch.nl/index.php/jae/article/view/4335/4232>
- Singgih Aji Prasetyo. (2020). Kajian Stilistika Diksi dan Gaya Bahasa Sastra Anak Pada Cerita Anak Majalah Bobo. *Jurnal Pedagogi dan Pembelajaran*, 3(1). 1-8.
<https://ejournal.undiksha.ac.id/index.php/JP2/article/view/29710/16770>
- Sufridatul Jannah, Mariam Ulfa, M.Pd & Sakrim M.Pd. (2022). Daya Retorik Interpersonal Pada Kata- Kata Motivasi Merry Riana Di Akun Instagram. 69. *Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia STKIP PGRI Bangkalan*. 1-10. <http://repo.stkipgri-indonesia.ac.id/>

bkl.ac.id/1695/1/1834411019_SUFRIDATUL%20JANNAH_ARTIKEL.pdf

Wan Azura W.A & Ahmad Fazullah M.Z.A. (2021). Pendekatan Retorik Quranik Dalam Pembentukan Adab dan Kesopanan Komunikasi Berasaskan Komuniti; Satu TinjauanMenerusi Surah An-nisa. *Sains Insani* 2021, 6(2). 140-146.
<https://sainsinsani.usim.edu.my/index.php/sainsinsani/article/view/296/203>